



**POLISI
PERLINDUNGAN
PEMBERI
MAKLUMAT**

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH
PULAU PINANG (PERDA)**

KANDUNGAN

1. PENGENALAN	1
2. TUJUAN	1
3. TAFSIRAN	1
4. SKOP POLISI	3
5. JENIS MAKLUMAT	3
6. KRITERIA PEMBERI MAKLUMAT	3
7. KERAHSIAAN DAN PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT	3
8. KAEDAH PENYALURAN MAKLUMAT	5
9. PERTANYAAN	7

1. PENGENALAN

- 1.1 Kerajaan telah menyediakan beberapa saluran rasmi untuk pengurusan aduan termasuk Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), SPRM serta saluran-saluran lain yang ditetapkan dengan tujuan untuk memudahkan orang ramai mengemukakan aduan berkaitan Kementerian/ Jabatan/ Agensi mengemukakan aduan dengan cara yang teratur dan selamat.
- 1.2 Mana-mana orang yang memberi maklumat dan sebagai pemberi maklumat boleh dilindungi secara pentadbiran atau melalui peruntukan peraturan sedia ada.
- 1.3 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) telah digubal sebagai galakan dan untuk memudahkan mana-mana orang mengemukakan aduan berkenaan kelakuan tidak wajar sama ada di sektor awam atau sektor swasta tanpa perlu kluatir terhadap kesan yang memudaratkan.

2. TUJUAN

- 2.1 Memberikan penjelasan serta menjadi panduan tatacara bagi mengemukakan/ melaporkan aduan serta maklumat berkaitan PERDA dengan cara yang teratur dan selamat. Polisi ini juga berperanan sebagai pelengkap dan menyediakan saluran alternatif untuk Warga PERDA serta pihak luar yang berurusan dengan PERDA.

3. TAFSIRAN

- 3.1 “**PERDA**” bermaksud mana-mana Bahagian/ Unit di Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau PERDA secara keseluruhannya;

- 3.2 **“Warga PERDA”** bermaksud semua anggota kerja PERDA yang dilantik oleh PERDA secara tetap, sementara atau kontrak serta pegawai yang ditempatkan secara sementara di PERDA;
- 3.3 **“Pegawai”** bermaksud seorang anggota kerja PERDA yang dilantik oleh PERDA secara tetap, sementara atau kontrak serta pegawai yang ditempatkan secara sementara di PERDA;
- 3.4 **“Agensi Penguatkuasa”** bermaksud Agensi Kerajaan yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
- 3.5 **“Pemberi maklumat”** bermaksud mana-mana individu/ organisasi yang memberi maklumat atau mendedahkan kesalahan tata tertib, jenayah atau seumpamanya yang dibuat secara lisan atau bertulis;
- 3.6 **“Kesalahan Tata tertib”** bermaksud apa-apa tindakan pelanggaran tata tertib oleh Warga PERDA sebagaimana yang diperuntukkan oleh peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi sebagai Warga PERDA;
- 3.7 **“Kesalahan Jenayah”** bermaksud apa-apa tindakan pelanggaran jenayah oleh Warga PERDA sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang jenayah seperti Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan sebagainya;
- 3.8 **“Peraturan”** atau **“peraturan-peraturan”** bermaksud mana-mana peraturan semasa yang berkuatkuasa;
- 3.9 **“Orang yang diadukan”** bermaksud pegawai atau Warga PERDA yang telah atau disyaki melakukan kesalahan tata tertib atau jenayah.

4. SKOP POLISI

Polisi ini terpakai kepada Warga PERDA serta pihak luar seperti pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu/ organisasi yang berurusan dengan PERDA.

5. JENIS MAKLUMAT

5.1 Penyaluran maklumat atau aduan boleh dibuat mengenai kesalahan tata tertib atau jenayah yang melibatkan pegawai atau Warga PERDA.

5.2 Sebarang penyaluran maklumat atau aduan mengenai kesalahan jenayah yang melibatkan Warga PERDA akan terus diserahkan kepada agensi penguatkuasa yang berkaitan.

5.3 Pemberi maklumat digalakkan memberikan maklumat terus kepada agensi penguatkuasa untuk kesalahan jenayah.

6. KRITERIA PEMBERI MAKLUMAT

Pemberi maklumat hendaklah berniat baik dan mempunyai sebab yang munasabah serta dalam pengetahuannya mengetahui kesalahan tata tertib atau jenayah dijangka berlaku, sedang berlaku atau telah berlaku.

7. KERAHSIAAN DAN PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

7.1 Di bawah Polisi ini, Pemberi maklumat akan menerima perlindungan yang berikut:

7.1.1 Pemberi maklumat yang merupakan Warga PERDA:

7.1.1.1 Identiti dan maklumat peribadi akan dirahsiakan dan dilindungi serta diklasifikasikan sebagai “Sulit”;

7.1.1.2 Dilindungi secara pentadbiran dari tindak balas dalaman PERDA dengan kelulusan dan syarat seperti berikut:

- a. Maklumat berkaitan tatatertib atau jenayah diberikan secara suci hati (tiada kepentingan peribadi);
- b. Identiti dan maklumat Pemberi maklumat dan Orang yang diadukan hanya akan diketahui oleh pegawai yang diberi kuasa sahaja;
- c. Sekiranya Pemberi maklumat menghadapi tindakan yang memudaratkan kesan daripada penyaluran maklumat atau aduan, Pemberi maklumat boleh melaporkan tindakan yang memudaratkan itu kepada pegawai yang diberi kuasa untuk pertimbangan pegawai yang berkuasa;
- d. Pemberi maklumat boleh juga mengadu terus kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan perlindungan undang-undang.

7.1.2 Pemberi maklumat bukan Warga PERDA:

7.1.2.1 Identiti dan maklumat peribadi akan dirahsiakan dan dilindungi serta diklasifikasikan sebagai “Sulit”;

8.2.1 Masa (when);

8.2.2 Tempat (where);

8.2.3 Siapa yang terlibat (who);

8.2.4 Jenis dan keterangan berkaitan kesalahan (what);

8.2.5 Kenapa (why);

8.2.6 Bagaimana (how);

8.2.7 Asas kebimbangan;

8.2.8 Dokumen yang berkaitan; dan/ atau

8.2.9 Lain-lain maklumat berkaitan.

8.3 Pemberi maklumat yang tidak menyatakan nama/ nama syarikat, nombor telefon, dan maklumat untuk dihubungi adalah TIDAK TERTAKLUK kepada perlindungan di bawah Polisi ini. Polisi ini juga tidak terpakai sekiranya pemberi maklumat mendedahkan maklumat yang diadukan kepada mana-mana individu/ pihak lain.

8.4 Walau bagaimanapun, maklumat yang disalurkan masih diterima dan siasatan akan diteruskan.

9. PERTANYAAN

9.1 Untuk sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Integriti

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)

No. 1, Lorong Kampung Gajah 2,

Jalan Kampung Gajah,

12200 Butterworth, Pulau Pinang

- Telefon : 04-3141100 / 3141 221 / 3141 224
- E-mel - integriti@perda.gov.my

Tarikh Penerbitan : 23 Februari 2026